

08 MAR 1997

MANDELA TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN DUA HARI

LANGKAWI, 8 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, tiba di Langkawi untuk melakukan lawatan dua hari sebelum berlepas pulang ke Pretoria Isnin ini.

Ketibaan beliau dengan pesawat eksekutif Tentera Udara Diraja Malaysia di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada 6.20 petang disambut Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid dan para anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sebaik turun dari pesawat, Mandela, yang dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke Malaysia, berjabat tangan dengan orang kenamaan yang menunggu ketibaan beliau, termasuk gadis-gadis pembawa bunga manggar.

Pada kira-kira 5 petang esok, Mandela dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat Galeria Perdana, yang menyimpan semua cendera hati yang dihadiahkan kepada Perdana Menteri, di Jalan Ayer Hangat di sini.

Beliau kemudian akan melawat Dataran Lang dan Taman Lagenda Langkawi di Kuah sebelum menghadiri jamuan malam yang diberikan oleh Dr Mahathir di sebuah hotel di Datai. -- BERNAMA

MFJ OBA